



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

11 APRIL 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: KEGAGALAN MAJIKAN MENCARUM UNTUK PEKERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 APRIL 2017 (SELASA)	FREE MALAYSIA TODAY Socso fines 500 employers for failing to register workers	SOCOSO

AKHBAR : FREE MALAYSIA TODAY

Socso fines 500 employers for failing to register workers

Socso issues RM300,000 in fines for employers under 'Ops Kesan' from April 1 after end of one-month amnesty period.



KUALA LUMPUR: The Social Security Organisation (Socso) has issued compounds totalling more than RM300,000 to employers who failed to register workers. Socso chief executive officer Mohammed Azman Aziz Mohammed said it involved 500 employers who had failed to register their workers during the prescribed amnesty period throughout March.

“Socso had given prior notice about the one-month amnesty period from March 1-31 to enable employers and workers to register with Socso,” he told reporters here yesterday. According to him, in “Ops Kesan” effective April 1, Socso had inspected 1,961 employers nationwide.

Azman said from June 1 last year, those who employed one or more workers must register with Socso to provide insurance coverage, regardless of the limits of the salary paid to the worker. Socso contributions are aimed at protecting employees in the event of untoward incidents or accidents while performing their duties, he added.

ISU : PENGAMBILAN PEKERJA ASING

BIL	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 APRIL 2017 (SELASA)	UTUSAN Pengambilan pekerja asing dalam talian beroperasi sepenuhnya HARIAN METRO Sistem online elak pembabitan orang tengah	KDN JABATAN IMIGRESEN JTK

AKHBAR : UTUSAN

Pengambilan pekerja asing dalam talian beroperasi sepenuhnya

PUTRAJAYA– Permohonan pengambilan pekerja asing secara dalam talian telah beroperasi sepenuhnya sejak 1 April lalu menerusi dua sistem yang dibangunkan iaitu Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Sistem Permohonan Pekerja Asing (SPPA). Sistem ePPAx digunakan untuk pengambilan pekerja asing dari semua negara sumber kecuali Bangladesh manakala sistem SPPA melibatkan pekerja asing warga Bangladesh sahaja.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Alwi Ibrahim berkata, kedua-dua sistem itu telah dibangunkan bagi permohonan pekerja asing dalam sektor formal iaitu perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan, namun tidak termasuk pembantu rumah asing. “Kerajaan telah memperkenalkan sistem ini bagi mengelakkan penglibatan orang tengah yang dapat meminimumkan kos pengambilan dan pentadbiran pekerja asing, memendekkan tempoh merekrut pekerja asing serta membendung penganiayaan dan pemerdagangan ke atas pekerja asing,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau memberitahu, proses awal penilaian kelayakan majikan akan dilaksanakan secara dalam talian berdasarkan maklumat yang diberikan oleh majikan berkenaan. Jelas beliau, sistem ePPAx boleh diakses melalui pautan www.eppax.gov.my manakala sistem SPPA menerusi pautan portal sppa.com.my.

Sistem online elak pembabitan orang tengah



Putrajaya: Dua sistem permohonan pengambilan pekerja asing dalam talian yang beroperasi sepenuhnya 1 April lalu bertujuan mengelakkan pembabitan orang tengah.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Alwi Ibrahim berkata, sistem berkenaan ialah sistem ePPAx bagi pengambilan pekerja asing dari semua negara sumber kecuali Bangladesh, dan sistem SPPA bagi pengambilan pekerja asing Bangladesh sahaja. "Kedua-dua sistem ini dibangunkan untuk permohonan pekerja asing bagi sektor formal iaitu perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, pertanian, perladangan tetapi tidak termasuk pembantu rumah asing.

"Sistem ini diperkenalkan bagi mengelakkan pembabitan orang tengah yang dapat meminimumkan kos pengambilan dan pentadbiran pekerja asing, memendekkan tempoh merekrut pekerja asing serta membendung penganiayaan dan pemerdagangan ke atas pekerja asing," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Alwi berkata, majikan boleh mengakses sistem ini melalui pautan www.eppax.gov.my untuk permohonan pekerja asing selain Bangladesh. Sementara, bagi pengambilan pekerja asing warga Bangladesh majikan boleh memohon terus melalui laman sesawang portal.sppa.com.my, dan maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi KDN, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia.